

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JUNE 2017



NAJIB TUN RAZAK diiringi Mohd. Irwan Serigar Abdullah (dua dari kiri) melihat model pembangunan semasa pelancaran Bandar Pintar Cyberjaya, semalam. - BERNAMA

# 11 inisiatif perengkap transformasi Cyberjaya

UM  
- 1/6/2017  
pg. 3

**CYBERJAYA 31 Mei** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan 11 inisiatif yang bakal memperlengkapkan transformasi Cyberjaya sebagai hab teknologi global dan bandar pintar.

Perdana Menteri berkata, antara inisiatif tersebut termasuk pembangunan Cyberjaya City Centre (CCC) yang merupakan projek bersama antara Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan Cyberview Sdn. Bhd. (Cyberview).

Jelas beliau, projek pembangunan berimpak tinggi itu akan menjadi kunci utama pelaburan di Cyberjaya.

"Pembangunan CCC bakal menyediakan satu ekosistem yang sempurna serta menjadi lokasi sesuai didiami memabatkan pembangunan bercampur merangkumi pembinaan pusat konvensyen, pangsapuri, ruang perniagaan runcit dan unit pejabat.

"Saya difahamkan, kerja-kerja pembangunan untuk fasa pertama sedang pesat dijalankan dan pusat konvensyen dan hotel bakal siap seperti dijadualkan pada 2019," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Bandar Pintar Cyberjaya di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan

dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Projek CCC merangkumi keluasan kawasan keseluruhan berjumlah 57 hektar dengan nilai pembangunan kasar fasa pertama dianggarkan sebanyak RM5.3 bilion.

Selain itu, Najib yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan pelancaran Cyberjaya Innovation Fund for the Future (CIFF) yang akan diuruskan oleh Cyberview Sdn. Bhd. untuk menyokong penciptaan dan pemelesaian cabaran dalam pembangunan bandar pintar Cyberjaya.

Kata beliau, dana bernilai RM100 juta itu merupakan dana geosentrik yang unik untuk usahawan, startups mahupun perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan serta antarabangsa.

"Dana ini bertujuan menjadi pemangkin penciptaan harta intelek melalui *proof of concept* (POC) dan pembangunan perniagaan berskala bagi projek-projek bandar pintar Cyberjaya," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, inisiatif seterusnya adalah untuk menubuhkan Pusat Data Besar Asia di Cyberjaya dengan sistem operasi berasaskan awan

Waktu Solat	Subuh	SyuruK	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.39	7.02	1.14	4.39	7.22	8.37
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.41	7.03	1.19	4.44	7.30	8.46
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.34	6.55	1.07	4.32	7.16	8.29
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.35	6.57	1.05	4.30	7.11	8.25
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.09	6.28	12.40	3.05	6.46	8.00

menerusi pemeteraian satu memorandum persefahaman (MoU) antara Cyberview dan Winhong Information Technology Co. Ltd. iaitu sebuah syarikat teknologi dari China.

Jelas beliau, kewujudan pusat itu dalam tempoh lima tahun akan datang dianggarkan mampu menyediakan kira-kira 500 peluang pekerjaan di Cyberjaya.

## 11 INISIATIF PERLENGKAP TRANSFORMASI CYBERJAYA

**Pusat Data Besar Asia** oleh Winhong Information Technology Co. Ltd.

- Pelaburan RM100 juta dalam lima tahun
- 500 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan

**Cyberjaya Innovation Fund for the Future (CIFF)**

- Dana sebanyak RM100 juta
- Sumber dana Kementerian Kewangan

**Hab Serantau Fintech** oleh Barrington Group Co. Ltd dan Beijing Fulrich Information Technology Co. Ltd

- Pelaburan melangkaui RM60 juta dalam tempoh lima tahun
- 300 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan

**Program Biasiswa Cyberview**

- RM7 juta untuk manfaat 100 pelajar

**CBJ4 Annex**

- Perkembangan kedua kemudahan sedia ada

**Futurise Centre**

- Hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersialan harta intelek (IP)
- Kemudahan untuk menempatkan makmal-makmal inovasi, pemacu, pembuatan dan ruang bekerja

**Pusat Data Teras Lembah Kelang VADS**

**Pusat Inovasi Aplikasi Sensor**

- Pembangunan atas tanah seluas 0.5 hektar
- Memanfaatkan Cyberjaya sebagai 'makmal hidup' untuk internet of Things (IoT)

**Bandar Keusahawanan Lautan Biru (BOET)**

- Pembangunan seluas 1.6 hektar dalam kawasan Kluster Keusahawanan Cyberjaya
- Menjana 500 pekerjaan dan menyokong 100 startup dan 1,200 usahawan

**1Gbps untuk penggunaan komersial dan rumah**

- Broadband fiber 1Gbps mampu milik untuk penduduk dan perniagaan di Cyberjaya

**Cyberjaya City Centre Fasa 1**

- Pembangunan fasa pertama merangkumi pusat konvensyen dan hotel
- GDV sebanyak RM5.3 bilion dalam tempoh tujuh tahun